

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 4 APRIL 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 29**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kesediaan Kerajaan Malaysia bekerjasama dengan syarikat media sosial termasuk Google, Twitter dan Facebook sebagai rakan strategik bagi menangani isu keganasan persepsi seperti keganasan kumpulan eksremis, fitnah dan pembohongan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua ,

Kerjasama dengan penyedia platform media baru ("*platform providers*") luar negara seperti Facebook dan Google telah sedia terjalin, termasuklah di dalam aspek bantuan siasatan bagi kes-kes penyalahgunaan media baru yang berlaku. Namun, harus ditekankan bahawa turut wujud cabaran perbezaan interpretasi dari segi undang-undang Malaysia dan undang-undang negara di mana platform tersebut beroperasi.

Bagi isu berkaitan keganasan persepsi secara khusus, pihak Kementerian sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan

## SOALAN NO: 29

yang terlibat dalam menangani dan memerangi isu yang melibatkan keganasan persepsi. Antara inisiatif yang telah pihak Kerajaan lakukan secara bersama termasuklah meningkatkan aktiviti “*counter-messaging*” dan “*counter-narrative*” secara bersepadu dan dengan satu suara, dilengkapi dengan fakta dan asas pertimbangan yang kukuh, selain dapat sampai ke golongan sasaran.

Orang ramai juga diingatkan agar bijak menilai dan mengenalpasti pihak yang menyebarkan dakwah keganasan persepsi dan berwaspada dengan apa jua maklumat yang diterima dan disebarkan oleh pihak-pihak tersebut, serta tidak terlalu mudah terpengaruh dengan mainan dan manipulasi yang boleh menggugat kestabilan, keselamatan dan keharmonian negara.